

KENYATAAN MEDIA

PERSIDANGAN SHIFT 2025 MENGUKUHKAN KERJASAMA SERANTAU ASEAN DALAM INOVASI KESELAMATAN JALAN RAYA

BANGI, 28 OKTOBER 2025 – Persidangan Antarabangsa *Safety and Holistic Innovation for Future Vehicles (SHIFT 2025)* berlangsung dari 28 hingga 30 Oktober 2025 di Bangi Resort Hotel, Selangor. Acara ini dianjurkan oleh Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) bersama *ASEAN New Car Assessment Program (ASEAN NCAP)* dengan tema “*Local Landscape, Global Standard.*”

Majlis perasmian SHIFT 2025 telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Hasbi bin Habibollah, Timbalan Menteri Pengangkutan Malaysia, yang turut menyampaikan Anugerah Penarafan Bintang ASEAN NCAP kepada pengeluar kenderaan yang menunjukkan komitmen tinggi terhadap peningkatan keselamatan kenderaan di rantau ASEAN. Majlis ini turut dihadiri oleh Professor Dr. Wong Shaw Voon, *Pengerusi Lembaga Pengarah MIROS*, Professor Dr. Haslinda Yusoff, *Penolong Naib Canselor, Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA), Universiti Teknologi MARA (UiTM)* serta En. Wang Hao dari *China Automotive Technology and Research Center (CATARC)*. Anugerah tersebut mengiktiraf model kenderaan yang mencapai prestasi keselamatan terbaik berdasarkan penilaian ASEAN NCAP bagi tahun 2025, sekali gus menegaskan usaha berterusan ASEAN NCAP dalam menggalakkan pengeluaran kenderaan yang lebih selamat serta memperkasakan piawaian keselamatan automotif serantau.

Majlis turut menyaksikan pertukaran Memorandum Persefahaman (MoU) antara MIROS dan dua rakan strategik: UiTM serta CATARC. Kerjasama dengan UiTM memfokus kepada peningkatan kecemerlangan penyelidikan, inovasi dan pembangunan kapasiti dalam keselamatan jalan raya dan kenderaan, manakala kolaborasi bersama CATARC mengukuhkan hubungan di bawah *China–ASEAN Vehicle Technology Partnership*, dengan tumpuan kepada keselamatan kenderaan dan penyelarasan piawaian teknikal.



Melalui MoU ini, MIROS dan UiTM akan memperkukuh penyelidikan berasaskan data, meneroka kaedah pengesahan baharu dan membangunkan tenaga pakar masa depan dalam bidang mobiliti selamat dan pintar. Sementara itu, kerjasama dengan CATARC akan melibatkan penyelidikan bersama hala tuju ASEAN NCAP dan C-NCAP, peningkatan keupayaan keselamatan jalan raya, penyelarasan piawaian keselamatan kenderaan bagi eksport China ke ASEAN, serta pelaksanaan program makmal dan pembangunan bakat bersama.

Sepanjang tiga hari penganjuran, penggubal dasar, penyelidik, pengeluar dan peneraju teknologi keselamatan kenderaan dari seluruh dunia berkumpul untuk membincangkan inovasi terkini, penyelarasan piawaian keselamatan serta penyelesaian praktikal berasaskan bukti bagi meningkatkan keselamatan jalan raya di ASEAN.

Dalam ucapan alu-aluan beliau, Ketua Pengarah MIROS, YBrs. Prof. Madya Ir. Ts. Dr. Siti Zaharah Ishak menegaskan bahawa walaupun dunia automotif berkembang pesat melalui elektrifikasi, automasi dan digitalisasi, keselamatan jalan raya mesti kekal sebagai keutamaan utama. Beliau menekankan bahawa setiap inovasi mobiliti perlu berpaksikan matlamat melindungi nyawa dan membina keyakinan masyarakat terhadap sistem pengangkutan, sambil menegaskan bahawa *“keselamatan jalan raya tidak boleh dikompromi; setiap inovasi dan pembangunan teknologi mesti berlandaskan bukti, data, dan tanggungjawab bersama untuk melindungi nyawa di jalan raya.”* Beliau turut menyatakan bahawa kejayaan ASEAN NCAP dalam memperkukuh piawaian keselamatan merupakan hasil kerjasama erat antara kerajaan, akademik dan industri, sejajar dengan tema *“Local Landscape, Global Standard”* yang mencerminkan aspirasi MIROS untuk melahirkan penyelesaian keselamatan yang praktikal dan bertaraf global.

Dua inovasi penting turut diperkenalkan dalam persidangan SHIFT 2025, menandakan kemajuan besar dalam penyelidikan dan pembangunan teknologi keselamatan kenderaan serantau:

a. ASEAN Motorcycle Target (AMT): Melindungi Penunggang Motosikal

AMT ialah alat ujian berteknologi tinggi yang direka untuk mensimulasikan dinamik pergerakan motosikal pada kelajuan sehingga 60 km/j. Ia menjadi asas kepada *ASEAN NCAP Autonomous Emergency Braking (AEB) Car-to-Motorcyclist Test Protocol version 1.0*, yang bertujuan



mengurangkan risiko pelanggaran motosikal di rantau ini. “Dengan mengambil kira realiti kenderaan dua roda, AMT membawa ASEAN lebih hampir kepada penyelarasan prosedur ujian dengan piawaian antarabangsa, sambil kekal relevan dengan keadaan jalan raya serantau,” kata MIROS.

b. ASEAN Child Presence Detection (CPD) Subject: Melindungi Kanak-kanak Dalam Kenderaan

Hasil kerjasama MIROS, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), ASEAN NCAP, CAERI dan ACTS Smart Solutions, model *kiDS CPD-DS3* dicipta untuk mensimulasikan kehadiran serta tingkah laku fisiologi bayi berusia sekitar 12 bulan. Model ini dilengkapi dengan mekanisme pernafasan boleh laras, struktur kepala dan anggota boleh digerakkan serta permukaan terkawal suhu, menjadikannya model CPD paling realistik di rantau ini. Inisiatif ini menyokong matlamat ASEAN NCAP dalam mengurangkan kes kematian akibat strok haba serta memperkukuh keselamatan kanak-kanak di dalam kenderaan.

SHIFT 2025 turut menampilkan barisan penceramah antarabangsa yang berprestij, mencerminkan kerjasama global dalam bidang penyelidikan keselamatan kenderaan iaitu:

- **Seigo Watanabe**, *Japan Automobile Manufacturers Association (JAMA)* — “*The Future of Vehicle Safety Technology: Japan Perspective.*”
- **Wang Guojie**, *China Automotive Engineering Research Institute (CAERI)* — “*EV Safety, Technology, and Assessment.*”
- **Yang Jialin**, *China Automotive Technology and Research Centre (CATARC)* — “*Introduction of C-NCAP New Side Impact and Frontal Impact Barriers Research.*”

Pembentangan teknikal turut disampaikan oleh pakar keselamatan global dalam bidang ujian dan penilaian keselamatan kenderaan, termasuk Global NCAP, Kistler, AB Dynamics, Dynamic Research Inc. (DRI), dan 4activeSystems GmbH, yang mencerminkan kerjasama yang semakin kukuh antara ASEAN dan pakar keselamatan kenderaan antarabangsa.



Lebih daripada 50 kertas penyelidikan turut dibentangkan oleh pakar keselamatan jalan raya, ahli akademik dan penyelidik, meliputi pelbagai topik termasuk data kemalangan jalan raya ASEAN, sistem bantuan pemanduan termaju (ADAS), tingkah laku pemandu dan analisis teknologi keselamatan berasaskan data. Penyertaan meluas ini mencerminkan komitmen kolektif rantau ASEAN terhadap dasar berasaskan bukti, selaras dengan *United Nations Decade of Action for Road Safety (2021–2030)*, *Dasar Pengangkutan Negara (2019–2030)* dan *Pelan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (2022–2030)* yang mensasarkan pengurangan 50% kadar kematian jalan raya menjelang 2030.

SHIFT 2025 berperanan sebagai platform strategik untuk menggerakkan transformasi keselamatan kenderaan di ASEAN melalui penyelidikan, inovasi dan kolaborasi pelbagai pihak. Dapatan, pandangan serta hasil perbincangan daripada persidangan ini akan membentuk hala tuju baharu ASEAN NCAP, memastikan rantau ini terus memacu masa depan kenderaan yang lebih selamat, pintar dan berdaya tahan.

-TAMAT-

Pertanyaan media:

Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS)

Unit Komunikasi Korporat dan Pengurusan Ilmu

Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS)

Lot 125-135, Jalan TKS 1, Taman Kajang Sentral, 43000 Kajang, SELANGOR

Tel: 03 - 8924 9200 E-mel: inquiry@miros.gov.my